

**PAS perjelas konsep negara berkebijakan, dokumen 80 halaman dilancar Ahad**  
**The Malaysian Insider**  
**09 Disember, 2011**  
**Oleh G. Manimaran**

KUALA LUMPUR, 9 Dis — PAS akan melancarkan dokumen berkaitan dengan konsep negara berkebijakan Ahad ini — enam bulan selepas perkara itu ditimbulkan oleh presidennya pada muktamar tahunan parti Islam itu — dilihat sebagai satu lagi persediaan menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Dokumen itu, selain menjadi dokumen penting untuk ditatapi dan diperbahaskan oleh masyarakat pelbagai lapisan, Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub (gambar) berkata, ia bakal menjadi sebahagian kandungan dalam manifesto Pakatan Rakyat kelak.

Pakatan Rakyat dianggotai PAS, PKR dan DAP.

Dokumen ini dilancarkan di Shah Alam, Ahad ini.

“Dokumen ini akan memperjelaskan konsep negara berkebijakan yang diketengahkan oleh PAS, ia akan memberi maklumat terperinci yang dimaksudkan sebagai negara berkebijakan yang dibawa PAS, yang berbeza daripada negara kebajikan, yang dibawa pesaing politik kita, Umno.

“Dokumen ini akan menjelaskan apa sebenarnya konsep berkebijakan, fokus keseluruhan konsep berkebijakan. Dari sudut politik, ekonomi, keadilan sosial, pendidikan,” kata Salahuddin yang juga pengerusi jawatankuasa penyediaan dokumen berkenaan.

Ketika ditanya sama ada dokumen itu akan menjawab kritikan-kritikan Umno selama ini termasuk ketika perhimpunan agung tahunan parti itu minggu lalu, Salahuddin menjawab:

“Ia bukan satu jawapan (kepada kritikan mereka), tetapi dokumen ini memberi penjelasan tentang apa yang dimaksudkan dengan konsep negara berkebijakan yang PAS hendak bawa.”

“Dokumen ini lebih kurang 80 halaman, kandungannya kami akan sertakan bersama manifesto Pakatan Rakyat, yang merupakan sebahagian daripada parti komponen, kami akan berkongsi antara isi penting dokumen ini,” kata Ahli Parlimen Kubang Kerian ini.

Dokumen itu akan dilancarkan oleh Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri.

Pada Ogos lalu, PAS melancarkan Buku Konsep Negara Berkebijakan tulisan Hadi, dilihat menjawab kritikan pemimpin-pemimpin Umno sejak Hadi menghuraikan perkara itu dalam ucapannya pada muktamar tahunan Jun lalu.

PAS juga menggunakan tema itu dalam manifesto mereka pada pilihan raya umum 2008.

Buku itu mengandungi konsep negara berkebijakan berdasarkan panduan al-Quran dan sirah Nabi saw.

Ciri-ciri negara berkebijakan, menurut Hadi sebelum ini, berbeza dengan negara kebajikan

iaitu negara keangkuhan sebagaimana diamalkan di negara ini.

Umno-BN mendakwa dengan mengetengahkan idea negara berkeadilan, PAS sudah lari dari matlamat perjuangan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-perjelas-konsep-negara-berkeadilan-dokumen-88-halaman-dilancar-ahad/>